

Lawatan Najid ke China Kukuh Hubungan Sosiobudaya Dua Negara - Penganalisis Bernama

Jun 3, 2014

Oleh Siti Salwa Shaari

KUALA LUMPUR, (Bernama) -- Lawatan rasmi enam hari Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke China baru-baru berjaya melangkaui hubungan diplomatik antara dua negara dan turut membuka hubungan baharu dalam sosiobudaya.

Ahli Geostrategist Universiti Teknologi Malaysia Dr Azmi Hassan berkata hubungan Malaysia-China yang terjalin sejak 40 tahun lalu bersifat menyeluruh, meskipun ramai melihatnya dari sudut hubungan dagangan, ekoran kedudukan China sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar dunia.

Beliau menambah, hubungan dua negara ini lebih istimewa kerana telah dinaikkan statusnya kepada Perkongsian Strategik Komprehensif dengan tidak semata-mata tertumpu kepada hubungan ekonomi.

"Walaupun China mempunyai perkongsian sama dengan negara lain seperti Eropah, Thailand dan Indonesia, hubungan dengan Malaysia lebih istimewa kerana kita lebih menekankan bidang perkembangan kebudayaan dan sosial, rakyat-ke-rakyat, yang berada pada peringkat minimum di negara lain," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau berkata, sebagai contoh dari sudut ketenteraan, China antara negara yang digeruni dan mampu memberi tekanan kepada negara lain, namun hubungan baik Malaysia-China menyebabkan tekanan itu tidak dirasai, malah kedua-duanya memilih untuk memperkukuhkan hubungan dengan memeterai persefahaman pertahanan bagi mengadakan latihan ketenteraan.

"Ini adalah antara keistimewaan dalam hubungan Malaysia-China, yang terjalin atas dasar saling percaya dan menghormati. Kita (Malaysia) adalah negara Asean pertama yang menjalin hubungan diplomatik dengan China membuktikan kita tidak memandang serong negara itu dan wajar hubungan ini terus dipelihara supaya terus harmonis untuk masa hadapan," katanya.

Najib mengadakan lawatan rasmi ke China bermula 28 Mei lalu dan beliau menyifatkan lawatan itu sebagai 'amat berjaya' dan optimis hubungan dua negara dapat dilonjakkan ke tahap lebih besar, terutamanya selepas Presiden Xi Jinping dan

Perdana Menteri Li Keqiang menegaskan hubungan Malaysia-China sesuatu yang istimewa.

Dekan Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Ahmad Marthada pula berkata hubungan erat dengan China perlu terus disemai kerana ia antara lain mampu memberi impak positif kepada rakyat negara ini, seperti dalam sektor pelancongan.

Beliau menambah, masyarakat China gemar ke negara ini kerana persamaan budaya, bahasa dan makanan dengan masyarakat Cina di sini, selain kedudukan Malaysia sebagai negara Islam menjadikan masyarakat Muslim China menjadikan negara ini sebagai destinasi pilihan.

Pada tahun 2013, seramai 1.7 juta rakyat China melancong ke Malaysia dan jumlah ini diharap meningkat kepada 2 juta orang pada tahun ini, bersempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014.

Bagaimanapun, industri pelancongan agak terkesan ekoran insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370 pada 8 Mac lepas yang membawa 239 penumpang termasuk 153 warga China, semasa dalam perjalanan ke Beijing.

Kehilangan pesawat itu menyebabkan program jerayawara TMM 2014 di Beijing dihentikan bagi menghormati perasaan rakyat China, namun reaksi positif dari lawatan Najib, menurut Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz membolehkan kempen pelancong di negara Tembok Besar itu disambung semula, dalam masa terdekat.

Sementara itu, Penasihat Kerajaan Dalam Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan Tan Sri Dr Rais Yatim berkata lawatan Najib ke China juga memberi implikasi positif terhadap perkembangan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.

"Ini adalah komitmen berterusan dalam mengiktiraf bahasa kebangsaan kita menerusi kerjasama dua hala dalam penyelidikan, penerbitan karya agung, pewujudan kajian dan bidang perkamusan," katanya.

Najib dalam lawatan itu merasmikan persidangan antarabangsa 'Pengajian Melayu 2014 Hubungan Malaysia-China' dan melancarkan tiga buku - Kamus China-Melayu Dewan, Kajian Bandingan Pantun Melayu dengan Nyanyian Rakyat Tiongkok dan Eksplorasi Pengajian Melayu-China di Beijing Foreign Studies University.

Pensyarah Jabatan Hubungan Antarabangsa Universiti Malaya (UM) Prof Datuk Mohamad Abu Bakar pula menyifatkan lawatan itu sebagai 'terowong masa' untuk mengimbas kembali dan memperkukuhkan hubungan yang bermula pada 31 Mei 1974 oleh Perdana Menteri kedua Malaysia, Tun Abdul Razak Hussein, yang juga ayah Najib.

Mohamad berkata Malaysia dan China telah banyak menerima manfaat daripada hubungan selama 40 tahun, dan lawatan itu adalah perlu untuk memastikan hubungan itu 'terus berada di landasan' yang tepat, supaya ia tidak mudah goyah.

Tambahnya, lawatan Najib juga penting untuk 'mendamaikan' China, supaya Malaysia tidak dilihat sebagai sebuah lagi negara Asia Tenggara yang menyebelahi Amerika Syarikat (AS) ekoran persepsi hasil lawatan Presiden Barrack Obama ke Malaysia pada April lalu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1043318>